

1. Amran menjadikan pekerjaannya sekarang sebagai _____ untuk dia menjawat jawatan yang lebih tinggi dalam syarikat itu.

- ☐ A batu loncatan
- ☐ B atas angin
- ☐ C alas perut
- ☐ D batu api

2. Kita haruslah menghargai jasa dan pengorbanan ibu bapa kita. Jika tidak kita akan dianggap _____.

- ☐ A seperti harimau menyembunyikan kuku
- ☐ B laksana burung diam dalam sangkar
- ☐ C bagai kacang melupakan kulit
- ☐ D laksana katak diharung ular

3. Jalan menuju ke rumah Idayu bersimpang-siur _____ hingga menyebabkan Rani dan Isma muntah-muntah.

- ☐ A seperti lipas kudung
- ☐ B seperti ular kena palu
- ☐ C seperti ikan di dalam belat
- ☐ D seperti rusa masuk kampung

4. Memang susah membuat kerja tangan ini tetapi kalau dibuat dengan tekunnya akan menjadi mudah. Kata orang _____.

- ☐ A ada rupa ada harga
- ☐ B alah bisa tegal biasa
- ☐ C diam penggali berkarat
- ☐ D jauhari jua yang mengenal manikam

5. Saleha _____ untuk mengembangkan perniagaan kek lapisnya dari Sarawak ke Semenanjung Malaysia.

- ☐ A berhati waja
- ☐ B bulat kata
- ☐ C bulat hati
- ☐ D buta hati

6. Pak Ayob sudah _____ untuk menyelesaikan masalah anaknya. Beliau terpaksa meminta nasihat daripada ketua kampung.

- ☐ A makan hati
- ☐ B naik darah
- ☐ C mati katak
- ☐ D mati akal

7. Puan Dibah mengemas rumahnya dengan pantas sekali. Keadaannya samalah _____.

- ☐ A seperti lipas kudung
- ☐ B seperti ikan kena tuba
- ☐ C bagai murai tercabut ekor
- ☐ D bagai kucing dibawakan lidi

8. **Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.**

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan kesal akan sikap perumahan yang menyiapkan kerja-kerja pembinaan dengan sambalewa sahaja.



- ☐ A lempar batu sembunyi tangan
- ☐ B seperti mendukung biawak hidup
- ☐ C bagai melepaskan batuk di tangga
- ☐ D seperti melepaskan anjing tersepit

9. Berita tentang kejayaan pelajar itu memenangi pertandingan pada peringkat antarabangsa telah menjadi _____ warga kampus.

- ☐ A buah hati
- ☐ B buah mulut
- ☐ C mulut mural
- ☐ D buah tangan

10. Tanah terbiar yang _____ itu bakal dijadikan kawasan pertanian berasaskan teknologi hijau.

- ☐ A besar seperti gajah
- ☐ B luas seperti padang
- ☐ C lurus seperti bendul
- ☐ D jernih seperti cermin

11. **Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.**

Pergaduhan antara Selvam dengan adiknya, Kumaran tidak berlarutan. Mereka akhirnya berbaik-baik semula dan bermain seperti sediakala.

- ☐ A ada udang di balik batu
- ☐ B air dicencang tiada putus
- ☐ C susu dibalas dengan tuba
- ☐ D air yang tenang jangan disangka tiada buaya

12. **Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.**

Pemuda itu sentiasa menurut arahan majikannya walaupun arahan itu adakalanya amat menyusahkan dirinya.

- ☐ A seperti ayam berak kapur
- ☐ B seperti cicak makan kapur
- ☐ C seperti kerbau dicucuk hidung
- ☐ D seperti rusa masuk ke kampung

13. Orang yang tidak tahu menghargai pemberian orang lain diumpamakan _____.

- ☐ A bagai si kudung mendapat cincin
- ☐ B seperti kera mendapat bunga
- ☐ C seperti hujan jatuh ke pasir
- ☐ D seperti tikus jatuh di beras

14. Peribahasa yang berikut berkaitan dengan keadaan yang berbahaya, **kecuali**...

- ☐ A seperti mentimun dengan durian.
- ☐ B seperti berumah di tepi tebing.
- ☐ C seperti telur di hujung tanduk.
- ☐ D seperti abu di atas tunggul.

15. Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.

Tham Fook membuat kerja sekolahnya secara sambalewa. Malah, beberapa latihan Matematik tidak sempat dibuatnya kerana dia tertidur.

- ☐ A bagai kera mendapat bunga
- ☐ B bagai pahat dengan penukul
- ☐ C bagai melepaskan batuk di tangga
- ☐ D bagai mencurahkan air ke daun keladi

16. Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.

Kamarul cuba berdebat dengan Ustaz Mohammad tentang hukum agama walhal ilmunya tidak seberapa.

- ☐ A kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya
- ☐ B kecil jangan disangka anak, besar jangan disangka bapa
- ☐ C kalau takut dilambung ombak, jangan berumah di tepi pantai
- ☐ D jika kail panjang sejengkal, lautan yang dalam diduga jangan

17. Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.

Keadaan jalan raya di kawasan yang berbukit-bukau itu bengkok-bengkok.

- ☐ A seperti rumput di tepi jalan
- ☐ B seperti cacing kepanasan
- ☐ C seperti gergaji dua mata
- ☐ D seperti ular kena palu

18. Kecantikan anak gadis Puan Shamsiah _____, tidak terbanding dengan gadis-gadis kampung yang lain.

- ☐ A bagai duri dalam daging
- ☐ B bagai aur dengan tebing
- ☐ C bagai bulan dipagari bintang
- ☐ D bagai dihiris dengan sembilu

19. Segala nasihat Nini kepada Farah hanya sia-sia kerana Farah masih tidak mengubah perangainya. Perbuatan Nini diibaratkan _____.

- ☐ A orang buta diberi suluh
- ☐ B mencurahkan air ke daun keladi
- ☐ C melentur buluh biarlah dari rebungunya
- ☐ D sebab nila setitik, rosak susu sebelanga

20. Jurujual itu _____ untuk memujuk orang ramai agar membeli barangan yang dijual oleh syarikatnya.

- ☐ A ada udang di balik batu
- ☐ B indah khabar daripada rupa
- ☐ C pucuk dicita ulam mendatang
- ☐ D bertanam tebu di pinggir bibir